Datuk Chef Wan Meriahkan Pelayaran Star Voyager dengan Pengalaman Kulinari Eksklusif.



22–25 Mei 2026 di atas Star Voyager: Pelayaran khas 3 Malam dari Pelabuhan Klang ke Phuket dan Pulau Pinang bersama Datuk Chef Wan.

28 Mei 2026 (Kuala Lumpur) – Pelayaran bertemakan kulinari terbaharu **StarCruises** yang menampilkan chef selebriti kesayangan Malaysia, **Datuk Chef Wan**, di atas kapal persiaran **Star Voyager dari 22 hingga 25 Mei 2026** mendapat sambutan hangat sempena musim cuti sekolah baru-baru ini. **Pelayaran 3 Malam dari Pelabuhan Klang ke Phuket dan Pulau Pinang** itu dianjurkan dengan kerjasama restoran **De.Wan 1958.**

Kolaborasi ini menawarkan pengalaman gastronomi eksklusif di laut termasuk demonstrasi masakan secara langsung, sesi santai bersama Chef Wan serta hidangan istimewa ciptaan beliau.

Malam terakhir pelayaran menjadi antara kenangan paling istimewa apabila ramai tetamu beratur panjang di restoran The Lido di atas kapal untuk menikmati hidangan khas Datuk Chef Wan selepas sesi demonstrasi masakan beliau. Restoran tersebut turut menyediakan seksyen Halal yang diperakui bagi memberi keselesaan kepada tetamu Muslim. Datuk Chef Wan turut meluangkan masa beramah mesra dan bergambar bersama tetamu, menjadikan suasana lebih meriah dan meninggalkan pengalaman indah buat keluarga serta peminat beliau.

> *"Kami amat gembira dengan sambutan yang menggalakkan terhadap kepulangan Chef Wan ke atas kapal persiara Star Voyager,"* kata **Michael Goh, Presiden StarDream Cruises.** *"Kami berbesar hati dapat mengalu-alukan Chef Wan sekali lagi untuk pelayaran khas musim cuti sekolah dari Pelabuhan Klang ini. Pengalaman kulinari kini menjadi elemen penting dalam dunia pelancongan, dan kerjasama ini mencerminkan komitmen kami dalam mencipta percutian yang lebih imersif dan bermakna, yang menyatukan tetamu melalui makanan, budaya dan pengalaman yang dikongsi bersama."*

Selepas kejayaan ini, ***Star Voyager*** **akan meneruskan pelayaran dari Singapore Cruise Centre di Singapura bermula 31 Mei hingga 26 Jun 2026 dengan pelbagai pilihan destinasi menarik. Ini termasuk pelayaran 2 Malam ke Pulau Pangkor atau Pulau Tioman, pelayaran 3 Malam ke Pulau Pinang serta pelayaran 5 Malam ke Vietnam meliputi Nha Trang dan Ho Chi Minh City**.

Pelayaran dari Singapura ini akan terus mengetengahkan gabungan istimewa StarCruises merangkumi sajian kulinari, hiburan dan aktiviti mesra keluarga, menawarkan percutian laut yang penuh kenangan kepada para tetamu di seluruh rantau ini.

Tetamu boleh membuat tempahan melalui www.StarDreamCruises.com atau ejen pelancongan pilihan masing-masing.

StarDream Cruises: Peneraju Pelayaran Asia

Dilancarkan secara rasmi pada 26 Mac 2025, StarDream Cruises menggabungkan lebih tiga dekad pengalaman dalam industri pelayaran, memulakan era baharu pelayaran luar biasa merentasi Asia dan destinasi sekitarnya. Jenama ini menampilkan dua kategori utama, StarCruises dan Dream Cruises. Masing-masing menawarkan pengalaman unik yang mengekalkan legasi terdahulu sambil meningkatkan standard pelayaran bertaraf dunia di Asia.

StarCruises memberikan pengalaman pelayaran gaya hidup yang mampu milik kepada pasaran Asia melalui kapal bersaiz sederhana seperti Star Voyager dan Star Navigator, manakala Dream Cruises menawarkan pengalaman pelayaran mewah dengan kapal besar seperti Genting Dream yang ditempatkan di Singapura sepanjang tahun.

Dengan pengalaman luas dalam hospitaliti dan pelayaran, StarDream Cruises komited untuk mendefinisikan semula pengalaman pelayaran bagi pelbagai segmen pasaran melalui tawaran yang disesuaikan mengikut keperluan demografik berbeza.

Untuk pertanyaan media, sila hubungi:-

(Mr) Ong Hsieh Lien
ong.hsiehlien@stardreamcruises.com

(Ms) Cherry Yip
cherry.yip@stardreamcruises.com

(Ms) Mandy Lam
mandy.lam@stardreamcruises.com